

Pengaruh Kitab Fiqh Jawi di Alam Melayu: Pengenalan Terhadap Manuskrip Arkān al-Ṣolāt MSS4601(A)

The Influence of Malay-Fiqh Books in Malay World: An Introduction to the Manuscript of Arkān al-Ṣolāt MSS4601(A)

Muhammad Farid Wajdi bin Abdul Rahim¹, Mohd Anuar Mamat², Syed Salim bin Syed Shamsuddin³

¹ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

² Fakulti Pengajian al-Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

³ Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;

Article progress

Accepted: 2 Nov 2020

Reviewed: 13 January 2021

Published: 1 June 2021

*Corresponding author:

Muhammad Farid Wajdi bin Abdul Rahim,
Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia;
Email: mfaridw24@gmail.com;

Abstrak: Kedatangan agama Islam ke Tanah Melayu telah berjaya mencorak dan mempengaruhi segala aspek dalam kehidupan masyarakat Melayu terutamanya terhadap pandangan alam, amalan keagamaan, budaya dan juga bahasa. Kesan daripada proses Islamisasi ini, pemikiran dan daya intelek orang Melayu telah diangkat pada satu tahap yang tinggi dan hal ini terbukti apabila golongan intelektual dan ulama mereka berjaya menghasilkan ribuan penulisan yang merentasi pelbagai disiplin ilmu khususnya bidang agama. Karya keagamaan tersebut telah menjadi sukatan pembelajaran dan rujukan utama bagi masyarakat Melayu untuk mempelajari agama Islam terutamanya hal-hal berkenaan akidah, fiqh dan tasawuf. Justeru, makalah ini bertujuan untuk mendedahkan pengaruh kitab Jawi khususnya yang ditulis dalam bidang fiqh serta memperkenalkan manuskrip fiqh Jawi yang berjudul Arkān al-Ṣolāt dengan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kajian perpustakaan. Naskah asal manuskrip ini diperolehi daripada Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Dapatan kajian menunjukkan bahawa masyarakat Melayu mempunyai hubungan keilmuan yang intim dengan kitab fiqh Jawi. Kajian juga mendapati bahawa manuskrip ini berjaya menonjolkan keunikan dan kearifan ilmuwan Melayu dalam menghasilkan karya dalam bidang fiqh yang berkeupayaan untuk meningkatkan ilmu serta kualiti amal ibadah bagi masyarakat Melayu.

Kata Kunci: Kitab Fiqh Jawi, Arkān al-Ṣolāt, Alam Melayu, Kajian Manuskrip.

Abstract: The arrival of Islam in the region of Malay world had affected and influenced a lot on the most of social aspect of Malays especially their worldview, religious practice, culture and also language. Resulting from this process of Islamization, Malays' thought and their intellectual competency were ascended to the higher order of degree and this was proven by contemplating on their thousand scholarly treatises and works by which they wrote it in variety of sciences especially religious field. Pertaining to the religious books, they have been a main reference and academic module for Malays in learning Islam specifically what is related to aqīdah, fiqh and taṣawwuf. Thus, this article is purposing to reveal the influence of Malay-fiqh books and introducing the manuscript of Arkān al-Ṣolāt by using a qualitative method which is focusing on library research. The original manuscript of Arkān al-Ṣolāt can be found from the collection of Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, National Library of Malaysia. This research finds that Malays has a very strong relative with Malay-fiqh books and this such of manuscript precisely represents the uniqueness and excellency of Malay scholars in their writing in the field of fiqh by which it has a capability to enhance the knowledge and religious practices for Malays.

Keywords: Malay-fiqh book, Arkān al-Ṣolāt, Malay world, manuscript study.

Pengenalan

Masyarakat Melayu telah berjaya membentuk sebuah tamadun yang tersendiri sejak lebih daripada seribu tahun yang lampau. Ini dapat dibuktikan dengan melihat fakta sejarah yang mencatatkan bahawa telah wujud beberapa kerajaan Melayu purba seperti kerajaan Sriwijaya yang berpusat di Palembang pada abad ke-6 masihi hingga 13 masihi dan kerajaan Champa di Vietnam pada abad ke-2 hingga 15 masihi (Shaharir Mohd Zain, 2016). Agama yang dianuti oleh masyarakat Melayu ketika itu adalah dikatakan agama Hindu-Buddha namun menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas (2016) bahawa agama-agama tersebut tidak berjaya membekasi dasar-dasar pemikiran masyarakat Melayu ketika itu melainkan ianya hanya diamalkan pada peringkat luaran sahaja.

Walaupun ahli sejarah tidak bersepakat dalam menentukan tarikh sebenar kedatangan Islam ke tanah Melayu, namun Muhammad Naquib al-Attas (2011) berpendapat bahawa proses Islamisasi di sesetengah tempat dalam Alam Melayu telah pun berjalan seawal kurun ke-9 dan ke-10 Masihi. Hal ini dibuktikan dengan pertemuan batu bersurat Terengganu yang dipercayai ditulis pada tahun 1303 Masihi lalu berjaya membuktikan bahawa agama Islam telah tersebar secara meluas ketika itu. Ini kerana batu bersurat tersebut mengandungi hal ehwal perundangan agama Islam yang sudah pastinya ia menunjukkan bahawa agama Islam telah datang lebih awal daripada kurun tersebut (al-Attas, 2015).

Setelah kedatangan agama Islam ke alam Melayu, ia telah berjaya membentuk pandangan alam Islam masyarakat Melayu sehingga kesan dan implikasi daripadanya dapat dilihat dan dibuktikan melalui amalan, penulisan, bahasa, budaya dan pemikiran orang Melayu. Tanpa dinafikan bahawa masih wujud bekas-bekas pengaruh agama Hindu-Buddha dalam masyarakat Melayu, namun hampir kesemuanya telah dicorak kembali oleh agama Islam yang dibawa oleh para ulama tempatan. Ini kerana agama Islam telah memainkan peranannya yang paling utama iaitu meninggikan ketinggian akal-budi seseorang insan sehingga ia dapat mendasari serta mencirikan sebuah tamadun bagi sesuatu bangsa atau masyarakat yang menganutnya dengan cara yang benar (Aliza, 2012).

Hasil daripada proses Islamisasi ini, masyarakat Melayu telah berjaya membentuk sebuah tamadun yang diakari oleh agama Islam dan mereka turut menghasilkan pelbagai penulisan ilmiah yang bermutu tinggi dalam pelbagai disiplin ilmu (Harun et.al, 2002;

Siti Hawa, 2010; Mohd Anuar, 2017). Menurut Shaharir Mohd Zain (2018), masyarakat Melayu telah menghasilkan berbagai-bagai karya dalam bidang agama, teologi, perundangan, matematik, sains dan metafizik. Kesemua hasil kreativiti dan intelektual ini hanya dapat dilihat dan dibaca melalui buku dan manuskrip Melayu yang telah ditinggalkan oleh para leluhur terdahulu. Bahkan, terdapat juga tokoh ilmuwan Melayu yang berpotensi dan berjaya menguasai puluhan disiplin ilmu yang berbeza sepertimana Syeikh Ahmad al-Fathani iaitu seorang tokoh agama Islam yang berbangsa Melayu. Beliau telah menghasilkan puluhan kitab yang ditulis dalam bahasa Melayu dan juga Arab dalam pelbagai bidang. Awang Sariyan (2016) telah menyenaraikan beberapa pemikiran beliau yang merentas pelbagai disiplin ilmu seperti agama, bahasa, politik, perubatan, sejarah, sains dan falak.

Penulisan dalam bidang agama Islam adalah antara yang paling banyak ditulis dan tersebar di tanah Melayu. Ini kerana masyarakat Melayu memiliki begitu ramai tokoh ilmuwan tempatan yang mempelajari ilmu agama di Semenanjung Tanah Arab lalu pulang untuk menyebarkan dan mengembangkan agama Islam di tanah air masing-masing. Nama-nama seperti Nuruddin al-Raniri, Hamzah al-Fansuri, Abdul Rauf Singkel, Shamsuddin al-Sumaterani, Daud al-Fathani ialah merupakan tokoh-tokoh awal ilmuwan Melayu yang meninggalkan hampir ratusan kitab yang berkualiti tinggi. Pengaruh mereka yang tersimpan dalam karya-karya agama telah melahirkan pula generasi terkemudian yang turut mengembelikan tenaga dan pemikiran untuk meneruskan usaha dakwah dan keilmuan ini.

Hasilnya dapat dilihat melalui penubuhan madrasah dan sekolah pondok yang dibina di serata tempat dalam tanah Melayu. Bahkan silibus dan juga kitab-kitab yang dijadikan sebagai rujukan dan bahan pengajian mereka adalah hasil daripada karya-karya ulama tempatan yang terdahulu. Ini menunjukkan bahawa karya penulisan mereka amat mempengaruhi masyarakat Melayu sehingga ianya menjadi rujukan utama bagi mereka dalam mempelajari agama Islam. Oleh yang demikian, makalah ini akan membincangkan salah satu manuskrip penting tentang solat, iaitu MSS4601(A) *Arkān al-Ṣolāt*. Kajian terhadap manuskrip *Arkān al-Ṣolāt* MSS4601(A) adalah bertujuan untuk mengenal pasti sejarah serta asal usul manuskrip ini dan menganalisis isi kandungannya yang didapati masih belum pernah dikaji sebelum ini. Bagi menjalankan kajian ini, kaedah kualitatif melalui kajian perpustakaan dan rujukan teks akan digunakan dalam

menganalisis manuskrip ini.

Pengaruh dan Ciri-Ciri Kitab Fiqh Jawi di Alam Melayu

Semenjak kedatangan Islam, jiwa masyarakat Melayu telah dirangkul dan disebatikan dengan ilmu dan amalan Islam melalui kemunculan dan penghasilan kitab-kitab agama yang membicarakan hal-hal asasi dalam Islam seterusnya menanamkan adab dan tatasusila yang tinggi dalam pemikiran serta amalan masyarakat Melayu (Wan Mohd Nor, 2019). Secara terperinci, pengaruh dan kesan kitab fiqh Jawi di Alam Melayu khasnya terhadap masyarakat Melayu Islam dapat dilihat dan diukur melalui empat perkara:

- 1) Penggunaan kitab fiqh Jawi sebagai bahan pembelajaran, rujukan dan juga kajian dalam masyarakat Melayu klasik dan moden.

Di peringkat pengajian madrasah atau pondok, kitab fiqh Jawi sudah menjadi bahan utama dalam pembelajaran bagi pelajar-pelajar. Di samping kitab Arab, para pelajar akan didedahkan dengan kitab fiqh Jawi terlebih dahulu sebelum mempelajari kitab Arab. Ini kerana kitab-kitab tersebut lebih mudah difahami dan dipelajari memandangkan bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu klasik. Perkara ini sudah menjadi suatu tradisi dalam sistem pembelajaran pondok di Alam Melayu semenjak kemunculannya dahulu. Penggunaan kitab fiqh Jawi sebagai bahan pembelajaran dan pengajian masih tetap diamalkan sehingga hari ini dalam masyarakat Melayu (Mohd Puaad, 2018). Bahkan institusi pengajian tinggi seperti kolej dan universiti tempatan turut mendedahkan kepada para mahasiswa dengan pengajian talaqqi yang menggunakan kitab fiqh Jawi (Syed Salim, 2018).

Kitab fiqh Jawi bukan sahaja dipelajari akan tetapi ianya turut menjadi bahan kajian oleh para penyelidik di institusi pengajian tinggi. Terdapat beberapa pengkaji yang menjadikan kitab fiqh Jawi sebagai bahan analisis dalam pengajian mereka di peringkat Sarjana dan juga Doktor Falsafah. Sebagai contoh, Marwazi telah mengkaji kitab fiqh yang bernama *Munyat al-Muṣallī* bagi memperolehi Ijazah Sarjana Syariah di Universiti Malaya pada tahun 2015. Manakala, Jamalludin bin Hashim pula mengkaji kitab fiqh yang dihasilkan pada kurun ke-17 iaitu *al-Sirāṭ al-Mustaqīm* dengan tajuk tesisnya *Kitab Al-Sirat al-Mustaqim* karangan Shaykh Nur al-Din al-Raniri (*Kitab al-Taharah dan al-Salah*): Teks dan Analisis. Kajian ini adalah sebagai disertasinya bagi mendapatkan Ijazah Doktor Falsafah di Universiti

Malaya pada tahun 2011.

Ahmad Misbah (2016) pula menumpukan kajian analisis terhadap teks kitab *Hujjat al-Bālighah* yang menyaksikan bahawa pengarangnya iaitu Syeikh Jalaluddin al-Asyī telah menerangkan dengan secara terperinci berkenaan hukum yang berkaitan kehakiman Islam berdasarkan mazhab Syafie. Karya ini membuktikan bahawa masyarakat Melayu ketika abad ke-18 Masihi bukan hanya menumpukan pelajaran tentang ibadat dan akidah sahaja namun mereka sudahpun mendalami dan membahaskan tentang fiqh pada peringkat yang lebih tinggi iaitu kehakiman. Kajian-kajian ke atas kitab fiqh Jawi di atas menunjukkan bahawa kitab-kitab tersebut mempunyai isi kandungan yang berkualiti dan juga pengaruh yang mendalam kepada para penyelidik tempatan dan luar sehingga ianya mencapai kelayakan untuk dianalisis mengikut kaedah saintifik moden.

Kitab fiqh Jawi yang telah dikarang ratusan tahun sebelum ini bukan sahaja masih dipelajari namun terdapat beberapa ahli ilmuwan semasa yang mensyarahkan dan menghuraikan kitab-kitab tersebut dalam bentuk yang baharu. Sebagai contoh, Rasyidi Abdul Rahman (2014) telah menghuraikan kitab *Munyat al-Muṣallī* yang dikarang oleh Syeikh Daud al-Fathani dengan menampilkan dalil-dalil serta rujukan bagi setiap hukum yang termaktub dalam kitab tersebut. Beliau menamakan kitab tersebut sebagai *al-Taḥqīq al-Wāfi ‘alā al-Munyat al-Muṣallī* dan kitab tersebut telah dicetak dan digunapakai sebagai rujukan di peringkat pengajian pondok dan juga institusi tinggi. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2017) juga telah menyusun kembali teks kitab *Maṭla‘ al-Badrayn* dalam tulisan Melayu moden bagi memudahkan masyarakat Islam setempat untuk membaca dan memahami isi kandungan kitab tersebut. Pada hakikatnya, kitab fiqh Jawi masih lagi relevan dan bermanfaat untuk dijadikan sebagai bahan pengajian, rujukan serta kajian kerana ianya mempunyai pengaruh yang mendalam kepada segenap lapisan masyarakat Melayu.

- 2) Kitab fiqh Jawi sebagai perantara dalam memindahkan ilmu agama daripada kitab Arab ke Alam Melayu.

Pengaruh kedua yang dapat dilihat adalah kitab fiqh Jawi sebagai perantara dalam memindahkan ilmu agama daripada kitab Arab ke dunia Melayu. Menurut Syed Salim (2018), secara umumnya kitab Jawi telah menjadi perantara antara dunia Melayu dan Timur Tengah yang mana pemikiran, pendapat dan pandangan ulama Islam yang tinggal di Timur Tengah telah dipindahkan melalui penulisan kitab-kitab Jawi sama

ada dalam bidang akidah, fiqh dan tasawuf. Perkara ini telah dinyatakan secara terang-terangan oleh para ulama Melayu di dalam kitab mereka terutamanya kitab fiqh Jawi. Kebiasaannya mereka akan menjelaskan sumber dan rujukan bagi penulisan mereka pada awal permulaan kitab. Contoh yang jelas dapat dilihat dalam kitab *Bughyah al-Ṭullāb* yang dikarang oleh Syeikh Daud al-Fathani. Beliau mengatakan seperti berikut:

“(Maka) bergerak lintas pada khaṭir yang daif yang ḥaqīr lagi fātir serta sedikit makrifat dan pengetahuan tetapi atas Allah i’timād bahawa diberi taufik bagi ṣawab iaitu faqīr yang muḥtāj ilā Allah Ta’ala al-Ghanī (Daud bin Abdullah bin Idris al-Fathani) bahawa menghimpunkan beberapa masalah yang sedikit daripada abwāb al-fiqh daripada kitab al-ṭaharah hingga akhir kitab al-ummahāt daripada kitab yang muktamad pada mazhab yang difatwakan seperti Minhāj dan segala syarahnya yang masyhur seperti Tuḥfah bagi Syeikh Ahmad bin Hajar dan Nihāyah bagi Shams al-Ramli dan Mughnī bagi Allāmah Khatib Syarbini dan syarah Dumayrī dan Faṭḥ al-Wahhāb serta syarahnya dan syarah Tahṛīr keduanya bagi Syeikhul Islam ialah pohon kitab ini kebanyakannya dan tertibnya serta beberapa ḥāshiah-nya seperti Mudābighī dan Khidr dan Sharqāwī dan lainnya pada mazhab Imām al-A’immah wa Sulṭānul Ummah al-Shāfi’e radiyallāhu ‘anhu”. (Daud al-Fathani, t.th).

Berdasarkan pemerhatian terhadap perkara di atas, maka jelaslah bahawa kitab fiqh Jawi memainkan peranan penting dalam menghimpunkan hukum-hakam fiqh yang terkandung dalam puluhan kitab muktamad mazhab Syafie sehingga ianya berjaya menjadi kompilasi bagi segala kitab-kitab fiqh yang menjadi tempat rujukan. Pada masa yang sama, para ulama Melayu turut berjaya memasyarakatkan kitab-kitab Arab yang menjadi sumber rujukan bagi memahami agama Islam menerusi usaha mereka dalam menterjemahkan dan menghuraikan teks Arab dengan menggunakan bahasa Melayu. Hal ini akan memudahkan masyarakat Melayu untuk mempelajari agama Islam dengan menggunakan bahasa ibunda seterusnya membentuk corak pemikiran dan gaya amalan dalam kehidupan mereka.

- 3) Pemilihan bahan pembelajaran fiqh mengikut tahap ketinggian perbahasan kitab.

Di samping itu, penghasilan karya-karya fiqh Jawi juga dapat diklasifikasikan mengikut tahap ketinggian perbahasan fiqh yang dibincangkan dalam sesuatu kitab. Terdapat beberapa kitab fiqh Jawi yang

hanya membahaskan perkara asas dalam fiqh tanpa disertai dengan perbincangan khilaf dan pemerincian sesuatu hukum seperti kitab *Hidāyat al-Ṣubḡān*, *Munyat al-Muṣallī*, *Sulam al-Mubtadī*, *Minhāj al-Salām* dan sebagainya. Kitab-kitab ini biasanya menjadi bahan pengajian bagi pelajar yang baru memulakan pengajian mereka di institusi pondok. Manakala terdapat pula kitab fiqh Jawi yang memperincikan permasalahan hukum-hakam dengan secara mendalam seperti kitab *Bughyah al-Ṭullāb*, *Sabīl al-Muḥtadīn*, *Baḥr al-Wāfī* dan lain-lain. Bagi kitab seperti *Furū’ al-Masā’il* dan *Kashf al-Lithām* pula, pengarang hanya memuatkan permasalahan fiqh berdasarkan soal jawab yang ditanya dan ditimbulkan oleh seseorang tanpa membahaskan hukum fiqh mengikut susunan kitab-kitab yang lain. Dua kategori terakhir bagi kitab fiqh Jawi yang disebut biasanya dipelajari oleh golongan pelajar yang sudah mempelajari kitab-kitab asas fiqh dan juga golongan ustaz sahaja. Ini kerana faktor kandungan hukum fiqh yang dibahaskan adalah terlalu mendalam dan mendasar serta turut menyentuh perbincangan khilaf yang berlaku antara para ulama.

Klasifikasi kitab fiqh Jawi mengikut kandungan perbahasan seperti di atas turut mempengaruhi sistem pembelajaran dan silibus dalam masyarakat Melayu khususnya di institusi pondok dan pengajian di masjid atau surau. Ini kerana pemilihan kitab fiqh untuk dijadikan sebagai bahan pembelajaran adalah mengikut kesesuaian isi kandungan dan juga tahap daya pemahaman pelajar dan masyarakat yang ingin mempelajarinya. Sebagai contoh, pemilihan kitab asas seperti *Hidāyat al-Ṣubḡān* adalah amat sesuai bagi golongan yang baru ingin mempelajari hukum-hakam fiqh yang bersifat fardu ain. Ini kerana perbincangan di dalam kitab tersebut hanya menumpukan terhadap perkara asas bagi sesuatu ibadah seperti solat, puasa, zakat dan lainnya (al-Banjari, t.th). Manakala kitab yang terperinci seperti *Bughyah al-Ṭullāb* pula biasanya hanya diajarkan kepada golongan yang ingin mendalami lagi kefahaman mereka terhadap perbahasan fiqh di sisi mazhab Syafie. Kitab tersebut telah memuatkan perincian bagi sesuatu hukum dengan disertai oleh khilaf yang biasanya berlaku antara Imam Nawawi dengan Imam Rafie, Imam Ibnu Hajar dengan Imam Ramli dan lainnya. Penggunaan bahasa yang tinggi dan rumit dalam kitab tersebut turut menjadi cabaran bagi seseorang untuk mempelajarinya. Justeru, perkara ini telah mempengaruhi masyarakat Melayu dalam memilih teks pembelajaran mereka bagi memahami hukum-hakam fiqh.

- 4) Perbahasan hukum-hakam setempat yang

hanya dibahas dan dibicarakan dalam kitab fiqh Jawi.

Seterusnya kitab fiqh Jawi telah menanamkan pengaruhnya yang tersendiri melalui perbincangan hukum fiqh tempatan iaitu sejumlah hukum yang menumpukan permasalahan masyarakat Melayu setempat. Usaha ini turut menonjolkan ijtihad para ulama Melayu dalam menyelesaikan masalah fiqh yang timbul melalui adat dan budaya orang Melayu ketika itu. Hal ini telah meninggalkan pengaruh yang mendalam terhadap amalan dan pandangan alam masyarakat Melayu kerana fatwa dan hukum yang diberikan oleh ulama ketika itu berjaya mengikis sedikit demi sedikit kebudayaan yang salah dan amalan yang bersifat mistik dan khurafat. Syeikh Nuruddin al-Raniri merupakan salah seorang tokoh ilmuan silam yang banyak mengeluarkan fatwa dan ijtihad terhadap permasalahan fiqh yang berlegar dalam masyarakat Melayu pada ketika itu. Melalui kitab al-*Şirāṭ al-Mustaqīm*, beliau mengaitkan perbincangan fiqh dengan amalan dan nilai tempatan Melayu melalui kaedah qias seperti permasalahan fiqh yang berikut (Jamalludin Hashim, 2014):

- 1) Hukum penggunaan rantai, halkah dan kepala perkapuran tembaga daripada perak.
- 2) Hukum memakai pontoh, dokoh sesari dan dewangga.
- 3) Hukum arak tempatan seperti tuak dan kilang (air sebelum menjadi tuak).
- 4) Hukum beristinjak dengan kitab yang tidak berguna pada syarak.
- 5) Hukum sembahyang sunat di atas rengga (tempat duduk berkanopi yang dipasang di atas belakang gajah, kerbau dan unta).

Sebagai kesimpulan, pengaruh kitab fiqh Jawi yang sekian lama bertapak dalam masyarakat melayu lama dan moden telah memberikan kesan yang mendalam terhadap perkembangan dakwah Islam di nusantara. Ini adalah kerana kitab-kitab tersebut telah menjadi sebagai bahan pembelajaran di setiap peringkat masyarakat Melayu daripada tahap pendidikan kanak-kanak sehingga institusi pengajian tinggi. Kerelevanan kitab fiqh Jawi adalah berdasarkan isi kandungannya yang lengkap dan ketinggian kualiti bahasa yang dipersembahkan oleh para ulama yang terdahulu. Justeru, demi untuk mengangkat kedudukan kitab fiqh Jawi di era ini, maka kajian yang mendalam dan terkini haruslah diusahakan serta dijalankan secara meluas seterusnya meletakkan kitab fiqh Jawi sebagai

bahan pembelajaran yang terus sesuai sepanjang zaman.

Pengenalan Manuskrip Arkān al-Şolāt MSS 4601(A): Latarbelakang dan Kepengarangan

Teks manuskrip yang dibahas dalam makalah ini adalah merujuk kepada sebuah manuskrip yang terdapat di Pusat Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM). Manuskrip ini mengandungi perbincangan tentang hukum-hukum solat secara khusus tanpa menyentuh bab ibadah yang lain seperti hukum bersuci, puasa, zakat dan lainnya. Walaupun perbincangannya hanya sekitar bab solat, namun pengarangnya membahaskan dengan secara terperinci dan mendalam sehingga menyentuh syarat-syarat bagi setiap rukun solat. Yang lebih menarik adalah apabila pengarang turut menyelitkan perbincangan tasawuf dan ihsan dalam beberapa tempat perbincangan.

Berdasarkan dapatan awal kajian, manuskrip ini tidak pernah dicetak bahkan kewujudannya agak tidak dikenali dan tidak terkenal dalam masyarakat Melayu dan juga dalam kajian-kajian lepas. Hampir tidak ada pengkaji yang pernah menyebut tentang manuskrip ini dan ia juga tidak terdapat dalam versi bercetak sehingga sekarang. Hal ini terbukti apabila dilihat kepada koleksi manuskrip Arkān al-Şolāt yang hanya boleh didapati dalam koleksi simpanan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu yang berada di Perpustakaan Negara Malaysia di Kuala Lumpur sahaja. Disebabkan faktor ini, pengaruh manuskrip Arkān al-Şolāt tidak dapat diketahui secara umum namun masih dapat disimpulkan bahawa manuskrip ini pernah digunakan sebagai bahan belajar dan juga disalin dalam beberapa kali walaupun ianya tidak meluas seperti manuskrip-manuskrip agama yang lain. Perkara ini dapat dibuktikan apabila melihat kepada kewujudan catatan-catatan di bahagian tepi teks yang boleh dianggap sebagai catatan pelajar yang menggunakan manuskrip ini sebagai kitab pembelajaran. Bilangan manuskrip Arkān al-Şolāt yang terdapat di PNM juga membuktikan bahawa manuskrip ini pernah disalin dan dihipunkan bersama dengan kitab-kitab agama yang mana sebahagiannya adalah merupakan karangan tokoh ulama Melayu yang terkenal seperti Syeikh Nuruddin al-Raniri.

Jumlah manuskrip Arkān al-Şolāt yang berada dalam simpanan Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia adalah sebanyak 15 manuskrip. Sebanyak 7 manuskrip masih berada dalam

keadaan lengkap manakala 8 daripadanya tidak lengkap. Taburan naskhah manuskrip Arkān al-Ṣolāt di PNM adalah seperti berikut:

Jadual 1: Koleksi Manuskrip Arkān al-Ṣolāt di Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu, Perpustakaan Negara Malaysia

No	Manuskrip Lengkap	No	Manuskrip Tidak Lengkap
1.	MSS4601(A)	1.	MSS4425(A)
2.	MSS3864(A)	2.	MSS2936(A)
3.	MSS4351(B)	3.	MSS4307(A)
4.	MSS4393(B)	4.	MSS3644(A)
5.	MSS4029	5.	MSS3826(B)
6.	MSS4121	6.	MSS3631(B)
7.	MSS4314	7.	MSS4466
		8.	MSS4341

Dalam kajian ini, pengkaji menjadikan manuskrip Arkān al-Ṣolāt yang bernombor MSS4601(A) untuk dijadikan sebagai bahan kajian yang utama. Ini kerana keadaan fizikal manuskrip ini lebih baik dan tulisan teksnya lebih jelas dan tersusun berbanding manuskrip yang lain. Keadaannya ini memungkinkan pengkaji menggunakannya sebagai teks utama dalam kajian ini disamping membandingkannya dengan beberapa manuskrip lain untuk melihat perbezaan dari segi isi kandungan dan juga penggunaan istilah. Manuskrip yang turut diambil sebagai teks perbandingan adalah manuskrip yang bernombor MSS4314 dan MSS4341. Salah satu daripada manuskrip ini iaitu MSS4341 tidak mempunyai mukadimah ataupun khutbah kitab sepertimana yang terdapat dalam dua manuskrip diatas.

Dalam aspek fizikal bagi manuskrip utama MSS4601(A), naskhah ini terdiri daripada 3 kuras berjahit yang tidak stabil namun berjilid dengan menggunakan kain berwarna ungu dan bercorak batik kekuningan. Kuras pertama mempunyai 10 folio, kuras kedua mempunyai 14 folio dan kuras ketiga mempunyai 9 folio. Ketebalan manuskrip ini adalah 33 + 2 folio yang bersaiz 22.2 cm x 16.3 cm. Teks manuskrip ini ditulis di atas kertas laid eropah yang berwarna putih kekuningan, terdapat warna kehitaman pada tepi kertas, ada beberapa folio yang mempunyai kesan lubang tanpa menjejaskan perkataan. Tera air yang terdapat pada kertas ini ialah bulan sabit berprofil manusia dalam perisai. Folio 1 telah dilekapkan pada kulit jilid hadapan dan hanya menampakkan permukaan verso sahaja serta terdapat kesan koyakan pada bahagian tepi kertas sehingga menghilangkan satu perkataan daripada teks pada bahagian bawah.

Teks ini mempunyai 17 baris yang konsisten.

Tulisan Jawi yang digunakan adalah cantik dan jelas untuk dibaca. Dakwat tulisan yang digunakan adalah berwarna hitam dengan rubrikasi pada beberapa perkataan Melayu yang tertentu dan ayat berbahasa Arab seperti petikan ayat al-Quran, Hadith, petikan kata-kata ulama, doa-doa, penomboran dan sebagainya. Tanda penyuaaran bagi ayat berbahasa Arab turut ditandakan dan penggunaan kata penarik adalah konsisten dalam manuskrip ini pada bahagian penjurong kiri bawah halaman verso. Secara umumnya, terdapat beberapa lembaran yang mempunyai catatan sampingan yang menghuraikan makna bagi beberapa perkataan yang terdapat dalam teks.

MSS4601(A) mempunyai tiga buah kitab yang berbeza namun berada dalam satu jilid yang sama. Kitab pertama ialah Arkān al-Ṣolāt, kedua ialah Qawā'id al-Islām dan yang ketiga ialah Kitab Tawhīd. Kitab Arkān al-Ṣolāt berada pada folio 1 sehingga 21R. Arkān al-Ṣolāt mempunyai folio yang paling banyak berbanding dua kitab yang lain yang hanya ditulis dalam 12 folio sahaja. Dari aspek isi kandungan, maklumat umum bagi ketiga-tiga kitab dalam MSS4601 dapat dijelaskan seperti yang berikut:

- a) Arkān al-Ṣolāt: [ff.1v.-21r.]; 17 baris. Kitab ini mengupas tentang sembahyang dengan secara terperinci meliputi rukun, syarat, hukum dan sebagainya. Antara tajuk-tajuk yang dibicarakan seperti bab wuduk, rukun sembahyang, waktu bersolat, perkara membatalkan sembahyang dan sebagainya. Turut diperhalusi tentang sembahyang ini daripada pandangan tasawuf (kesufian) meliputi khusyuk dalam solat, taat dan nyawa sembahyang itu sendiri.
- b) Qawā'id al-Islām: [ff.21v.-24r.]; 17 baris. Kitab ini membincangkan mengenai ketauhidan dan keimanan kepada Allah SWT yang mengupas tentang sifat-sifat dan zat Allah serta bahagian sifat-sifatNya.
- c) Kitab Tawhīd: [ff.24v.-31r.]; 17 baris. Kitab ini mengandungi kupasan mengenai ketauhidan dan keimanan kepada Allah SWT dan topik-topik perbincangannya meliputi Islam, iman, tauhid dan makrifat. Setiap topik diperincikan kepada rukun syahadah, sifat-sifat Allah beserta firmanNya. Turut mengupas mengenai fasal sembahyang dan di halaman akhir dinyatakan sepuluh jenis golongan yang Allah SWT tidak menerima solatnya.

Berdasarkan ketiga-tiga kitab yang berada dalam koleksi manuskrip MSS 4601, pengkaji tidak

mendapati nama pengarang dan penyalin bagi kitab-kitab tersebut. Namun pengkaji begitu yakin bahawa kitab tersebut telah disalin oleh seorang penyalin sahaja kerana gaya khat tulisan yang digunakan adalah sama sahaja bagi ketiga-tiga kitab tersebut. Kitab-kitab ini juga telah dijilidkan secara bersama dengan begitu kemas.

Daripada aspek kepengarangan pula, hanya manuskrip MSS4314 sahaja yang menyatakan nama pengarang dalam bahagian kolofon pada akhir manuskrip. Manakala MSS4341 hanya menyatakan nama pemilik manuskrip dan juga tempat kedudukannya. Walaupun nama pengarang ada disebut, namun nama tersebut didapati sukar untuk dibaca dan dikenal pasti. Nama pengarang yang tertulis pada manuskrip MSS4314 adalah "Teungku Chiek D-B-L-A-GH". Oleh kerana terdapat kesukaran dan kekangan dalam membaca nama pengarang ini, maka pengkaji telah mencuba mencari maklumat yang berkaitan dengan nama-nama pengarang kitab di Alam Melayu bagi mengenal pasti nama pengarang tersebut.

Namun setakat kajian ini dijalankan, pengkaji tidak mendapat maklumat yang jelas berkenaan nama pengarang yang tertera dalam manuskrip MSS4314. Namun begitu, pengkaji mendapati bahawa gelaran "Teungku Chiek" pada nama pengarang adalah menunjukkan bahawa pengarang adalah seorang ulama yang berasal dari Aceh. Ini kerana gelaran "Teungku Chiek" hanya diberikan kepada seseorang yang mempunyai ilmu agama yang luas dan dikenali oleh masyarakat setempat sebagai seorang ulama (Rusdi Sufi et al., 1997; R. Michael Feener et al., 2011). Sebagai kesimpulan, walaupun nama sebenar pengarang tidak dapat diketahui secara tepat namun gelaran yang diletakkan pada nama tersebut telah berjaya membuktikan bahawa manuskrip ini adalah ditulis oleh seorang tokoh agama di Aceh pada suatu masa dahulu.

Perbincangan Fiqh Solat di dalam Arkān al-Ṣolāt

Ibadah solat adalah merupakan ibadah zahir yang paling mulia berbanding ibadah zahir yang lain seperti puasa, haji dan zakat. Bahkan solat yang fardu adalah sebaik-baik ibadah fardu dan solat yang sunat adalah sebaik-baik ibadah sunat (al-Bantani, 2001). Oleh itu, para ulama secara turun temurun telah mendahulukan perbincangan mengenai ibadah solat pada awal kitab fiqh sebelum ibadah yang lain. Disebabkan itu, Syeikh Daud al-Fathani mengumpamakan solat seakan kepala bagi suatu jasad

dan sesiapa yang tiada memiliki kepala maka tiadalah dirinya memiliki hayat (Abu Qutaibah, 2014).

Manuskrip MSS4601(A) ini mengandungi beberapa pembahagian topik perbincangan yang dimulakan dengan mukadimah tentang ibadah solat. Isi kandungan bagi manuskrip ini dapat dibahagikan mengikut tema seperti yang berikut:

- Mukadimah (ff 1v-3r)

Penulis memulakan kitabnya dengan lafaz basmalah, memohon pertolongan daripada Allah SWT, berselawat dan salam kepada Rasulullah SAW serta para sahabat dan ahli keluarganya. Kemudian penulis menerangkan tentang kepentingan dan kebesaran ibadah solat ke atas setiap mukalaf dengan mendatangkan beberapa hadith dan juga petikan ayat suci al-Quran al-Karim. Selepas itu penulis menjelaskan pula mengenai beberapa faedah yang boleh didapati daripada pelaksanaan ibadah solat.

- Syarat Sah Solat (ff 3r-6v)

Dalam perbincangan tentang syarat solat, penulis telah menerangkan bahawa syarat solat yang dibicarakan di sini adalah beberapa perkara yang mesti didatangkan terlebih dahulu sebelum seseorang itu masuk ke dalam solat. Syarat sah tersebut ada sebanyak enam syarat. Penulis turut memasukkan aspek tasawuf dalam membicarakan mengenai syarat-syarat ini dan beliau juga mensyarahkan dengan agak panjang lebar mengenai perkara tersebut seperti yang akan dinyatakan secara umum pada bahagian rukun solat selepas ini.

Syarat pertama adalah suci pakaian, tempat dan badan daripada najis dan hadas. Syarat batin pula adalah suci hati daripada sifat-sifat mazmumah. Kedua, menutup aurat zahir dan menutup keaiban hati. Ketiga, menghadap kiblat dengan dada dan menghadapkan hati kepada suruhan Allah SWT. Keempat, berdiri betul beserta dengan hati yang khusyuk kerana ia sedang berdiri dihadapan Allah SWT. Kelima, mengetahui waktu masuk solat dan penulis menerangkan had waktu bagi setiap solat. Keenam, niat. Penulis membahaskan dengan mendalam mengenai niat sehingga turut memuatkan perbincangan muqāranah dan lafaz yang diperbolehkan untuk digunakan dalam takbīrat al-iḥrām.

- Fasal perbincangan rukun solat (ff 6v-20r)

Penulis memulakan perbincangan ini dengan memberikan definisi solat dan membahagikan rukun solat kepada rukun qowli dan fi'li. Khilaf ulama mengenai jumlah rukun solat samada 12 atau 13 turut dinyatakan dalam fasal ini. Rukun solat yang dinyatakan oleh penulis dalam manuskrip ini adalah sebanyak 13 rukun iaitu bermula dengan niat, berdiri betul, takbiratul ihram, bacaan al-Fatihah, rukuk, iktidal, sujud, duduk antara dua sujud, duduk tahiyat akhir, bacaan tahiyat akhir, selawat kepada Rasulullah SAW dalam tahiyat akhir, memberi salam dan tertib.

Setiap daripada rukun solat tersebut, penulis akan mendatangkan syarat-syarat wajib baginya beserta dengan syarat sempurna, perkara sunat dan perkara yang membatalkan rukun solat tersebut. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, penulis amat memperincikan setiap perbahasan mengenai rukun solat yang dibincangkan dan beliau bukan sekadar menyebut dan membilang rukun solat seperti kitab-kitab ringkas yang lain. Manuskrip ini diakhiri dengan perbahasan mengenai doa qunut dan penulis turut menyertakan teks bagi doa tersebut beserta dengan terjemahannya. Di samping itu penulis turut membicarakan mengenai perbahasan tasawuf dalam fasal ini seperti:

- Perbincangan mengenai ihsan, khusyuk, ketaatan dan kemaksiatan dalam ibadah (Dalam rukun kedua).
- Makna takbiratul ihram serta beberapa perkara yang mesti difahami oleh hati mengenainya dan tafsiran terhadap doa iftitah dengan disertai perbahasan tasawuf (Dalam rukun ketiga).
- Mengaitkan rukun sujud dengan beberapa aspek tasawuf seperti fanā', khuḍū' dan ihsan (Dalam rukun ketujuh).
- Hakikat sujud dan kaitannya dengan hakikat kehambaan (Dalam rukun kelapan).

Secara keseluruhannya, manuskrip ini mempersembahkan perbahasan fiqh yang berkaitan dengan ibadah solat secara serba ringkas tetapi padat dan mendalam. Namun perkara yang perlu ditonjolkan dalam analisis terhadap manuskrip ini adalah terdapatnya proses integrasi dan simbiosis antara dua disiplin ilmu Islam yang menjadi dasar bagi seorang Muslim iaitu fiqh dan tasawuf. Perkara ini adalah sesuatu yang menjadikan manuskrip ini begitu unik dan berbeza berbanding dengan karya-karya Melayu yang

lain. Penulis manuskrip ini berjaya mempamerkan daya kreatif dan inovasi yang berlainan dalam karangan beliau sehinggakan hampir sebahagian daripada perbahasan fiqh di dalam manuskrip ini disulami dengan unsur ilmu tasawuf. Ini dapat dilihat dalam kenyataan berkenaan perbahasan tasawuf yang telah disenaraikan sebelum ini. Bahkan konsep tasawuf yang dianjurkan dalam manuskrip ini juga adalah perbahasan yang cukup tinggi iaitu perkara yang berkaitan dengan fana dan ihsan. Justeru, kajian selanjutnya terhadap manuskrip amat wajar untuk diteruskan bagi mencungkil ketinggian kualiti keilmuan ulama Melayu dalam tradisi penulisan di Nusantara ini seterusnya dapat memberikan manfaat kepada generasi terkini dalam mempelajari ilmu agama dan mencari makna kehidupan di dalam dunia kemodenan.

Kesimpulan

Keagungan dan ketinggian pemikiran dan budaya tamadun Melayu haruslah dilihat dan dikenalpasti melalui pemerhatian terhadap karya-karya yang ditulis oleh para ulama terdahulu (Aliza Elias, 2012). Penulisan mereka dapat mencerminkan dengan sejelas mungkin akan pencapaian akal dan ilmu orang Melayu ketika itu. Manuskrip *Arkān al-Ṣolāt* ini berjaya membayangkan bagaimana penghayatan dan pengamalan orang Melayu terhadap ibadah solat yang secara umumnya ia membuktikan bahawa mereka memiliki ilmu yang mendalam dan mendasar tentang solat. Bahkan mereka turut menghayati ibadah solat melalui perspektif tasawuf yang merupakan ruh bagi kehidupan seseorang Muslim. Tambahan pula, tasawuf itu sendiri adalah pengamalan syariat pada peringkat ihsan sepertimana yang dinyatakan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (Wan Suhaimi, 2012).

Pengkaji berasa yakin bahawa isi kandungan kitab *Arkān al-Ṣolāt* ini mampu menjadi kayu ukur bagi mengesahkan kualiti ibadah solat dan menghidupkan ruh penghayatan bagi seseorang Muslim dalam ketika mereka mengerjakannya. Ini kerana kitab *Arkān al-Ṣolāt* mengandungi hukum-hakam fiqh yang komprehensif mengenai ibadah solat dan turut memuatkan nilai-nilai tasawuf yang mendasar yang mana ianya boleh menuntun seseorang untuk mencapai kualiti yang tertinggi dalam ibadah tersebut. Perkara ini perlu dititikberatkan kerana solat adalah merupakan pintu bagi mendapatkan cahaya ketuhanan dan ianya merupakan tonggak agama dalam diri seseorang Muslim.

Pengkaji juga mengenalpasti beberapa aspek

yang menonjolkan kaedah integrasi antara ilmu fiqh dan tasawuf yang tersirat dalam kandungan manuskrip ini. Elemen ini telah membayangkan kepada kita terhadap cara gaya para ulama Melayu dalam mengajar ilmu fiqh tanpa berlaku unsur dualisme dengan ilmu-ilmu yang lain terutamanya tasawuf sepertimana yang berlaku dalam sistem pengajian syariah sekarang yang hanya menumpukan disiplin fiqh sahaja. Justeru, manuskrip *Arkān al-Ṣolāt* ini mestilah dikaji dan ditelusuri agar kita dapat mencungkil ketinggian ilmu dan hikmah yang dimiliki oleh ulama Melayu yang terdahulu. Seterusnya kita harus berusaha untuk mengembalikan manuskrip ini dalam bentuk yang baru dan relevan dengan bentuk pembacaan semasa agar masyarakat moden sekarang boleh mengambil manfaat daripada khazanah yang ditinggalkan oleh para leluhur terdahulu.

Rujukan

- Abu Qutaibah, Rasyidi Abdul Rahman. (2014). *Al-Taḥqīq al-Wāfi ‘alā Munyat al-Muṣallī*. Fatani: Matba’ah Bin Halabi.
- Ahmad Misbah. (2016). Analisis Teks Manuskrip Hujjat al-Balighah: Tumpuan Dalam Kesaksian. Seminar Antarabangsa Akidah, Dakwah dan Syariah (IRSYAD 2016). (h. 693-721).
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2016). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2011). *Historical Fact and Fiction*. Johor Bahru: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (2015). *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu*. Kuala Lumpur: Center for Advanced Studies on Islam, Science and Civilisation (CASIS).
- Al-Banjari, Husein Nasir. (t.tt). *Hidāyah al-Ṣubyān*. Fatani: Matba’ah Bin Halabi.
- Al-Bantani, Muhammad Nawawi. (2001). *Kāshifat al-Sajā fī Sharḥ Safīnah al-Najā*. Indonesia: al-Haramain.
- Al-Fatani, Daud bin Abdullah. (t.tt). *Bughyah al-Ṭullāb li Murīd al-Aḥkām al-Ṣawwāb*. Pulau Penang: Matba’ah Dar al-Ma’arif.
- Aliza Elias. (2012). Kecenderungan “Paksi India”: Implikasinya Terhadap Pensejarahan Islam di Alam Melayu. *Adab dan Peradaban: Karya Pengiktirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Selangor: MPH Publishing.
- Awang Sariyan. (2016). *Asas Falsafah dan Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah, et.al. (2010). *Traditional Malay Literature*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jamalludin Hashim, Abdul Karim Ali & Hasanulddin Mohd. (2014). Analisis Pengaruh Unsur Fiqh Tempatan dalam Kitab al-Sirat al-Mustaqim Karya Syaykh Nur al-Din al-Raniri. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*. jilid 1. bil. 1. (pp. 1-24).
- Mohd Anuar Mamat. (2017). “Manuskrip Melayu dalam Bidang Pendidikan Islam: Suatu Kajian Awal di Perpustakaan Negara Malaysia”, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, bil.15, h. (66-88).
- Mohd Puaad, Rahimin Affandi, Ahmad Farid & Huzaimah. (2018). *Kitab Jawi dan Pengilmuan Masyarakat Melayu*. Jurnal Ulwan. jilid 1. (h. 34-57).
- Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. (2017). *Matla’ Al-Badrain*. Selangor: Karya Bestari.
- R. Michael Feener., Patrick Daly & Anthony Reid (ed.). (2011). *Mapping The Acehnese Past*. Leiden: Royal Netherlands Institute of Southeast Asian and Caribbean Studies.
- Rusdi Sufi., Muhammad Nasir & Zulfan. (1997). *Peranan Tokoh Agama Dalam Perjuangan Kemerdekaan, 1945-1950: Di Aceh*. Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan RI.
- Shaharir Mohammad Zain. (2018). *Falsafah Ilmu Daripada Karya-Karya Besar Sains & Matematik Islam Malayonesia*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.
- Shaharir Mohammad Zain. (2016). *Sains Matematik dalam Acuan Bahasa Melayu dan Islam*. Selangor: PTS Akademia.
- Siti Hawa Salleh. (2010). *Malay Literature of the 19th Century*, terj. Quest Service. Kuala Lumpur, ITNM.
- Syed Salim. (2018). Pemantapan Pelajar Aliran Syariah di Institusi Pengajian Tinggi Melalui Pengajian Kitab Turath Jawi: Tinjauan Terhadap Pelaksanaan Pengajian Talaqqi di Universiti Sains Islam Malaysia. *Jurnal Sains Insani*. Jilid 3. No. 01 (h. 27-37).
- Wan Mohd Nor. (2019). *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Pusat Pengajian Tinggi Islam, Sains dan Peradaban (CASIS).

Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2012). Beberapa Wajah dan Faham Dasar Tasawuf Menurut al-Attas Berdasarkan Karyanya *The Positive Aspects of Tasawuf. Adab dan Peradaban: Karya Pengiktirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Selangor: MPH Publishing.